

Mesyuarat Majlis Raja-Raja bermula

UM 22 MAR 2001

KUALA LUMPUR 21 Mac
— Mesyuarat dua hari Majlis Raja Raja ke 188 bermula hari ini di Istana Negara dipengerusikan oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin

Menurut kenyataan Istana Negara semua raja hadir kecuali empat sultan yang menghantar wakil masing masing

Sultan Kedah diwakili oleh Raja Muda Tengku Abdul Malek Sultan Badlishah Sultan Johor (Tengku Ibrahim Ismail) Sultan Pahang (Tengku Muda Tengku Abdul Rahman) dan Sultan Selangor (Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah)

Kenyataan itu juga menyebut semua Menteri Besar mengiringi Raja masing masing ke mesyua

arat itu melainkan tiga Ketua Menteri

Ketua Menteri Pulau Pinang diwakili oleh timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahya Sarawak oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Adenan Satim dan Sabah oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Dr Lajim Ukin

Hadir sama ialah Ketua

Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang

Yang di Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual hadir pada mesyuarat hari kedua esok